

11 NOV 1997

Mahathir-Amerika

MALAYSIA BERHAK BERSUARA IKUT TANGGAPANNYA SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia berhak bersuara mengenai apa sahaja mengikut tanggapannya sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika diminta mengulas mengenai satu resolusi terhadapnya yang akan dibentangkan di Kongres Amerika Syarikat, Perdana Menteri berkata beliau berhak membuat komen, seperti juga bermacam-macam komen negatif yang dibuat terhadap beliau.

"Tetapi, kita rasakan bahawa kita tidak boleh menyatakan sesuatu yang pedas jika ia melibatkan negara lain. Saya rasa ini tidak betul," kata beliau pada persidangan berita selepas sesi soal jawab tertutup dengan peserta-peserta forum Global Panel Kuala Lumpur 1997 di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya mengenai langkah seorang anggota Kongres Amerika, Robert Wexler yang mahu membentangkan resolusi agar beliau "memohon maaf ataupun meletakkan jawatan" kerana menyatakan bahawa terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara.

Bagaimanapun, sebelum ini Dr Mahathir telahpun menjelaskan yang beliau tidak berkata terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis itu. Beliau hanya menyalahkan spekulator kewangan Amerika George Soros -- seorang Yahudi -- kerana memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan terhadap ringgit.

Hari ini, Dr Mahathir memberitahu persidangan berita itu bahawa walau apapun yang telah diperkatakan, hubungan antara Malaysia dan Amerika masih baik.

Perdana Menteri berkata beliau telah diminta meletakkan jawatan oleh orang yang tidak diberi mandat.

Dr Mahathir sekali lagi menjelaskan yang beliau tidak mengeluarkan kata-kata mengenai orang Yahudi "seperti yang mereka maksudkan".

"Yang saya kata ialah persepsi ini tidak akan membuat kita menuduh mereka tetapi itulah yang dilihat telah berlaku. Tak bolehkah kami berkata apa-apa pun mengenainya. Maksud saya, tak bolehkah kami bercakap sesuatu apapun," katanya.

Kehadiran Dr Mahathir di forum ahli perniagaan itu merupakan aturcara keempat daripada lima aturcara yang dihadiri beliau hari ini.

Jadual sibuk Dr Mahathir hari ini berakhir dengan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam ini.

Dr Mahathir menggunakan satu perbandingan dalam merujuk kepada resolusi Wexler itu yang bukan merupakan rang undang-undang sehingga boleh menjadi undang-undang.

"Sebagai seorang Islam, apabila umat Islam dituduh sebagai penganas, haruskah saya membuat usul di Parlimen yang sesiapa berkata demikian perlu memohon maaf kepada saya.

"Saya tidak berbuat demikian. Manusia memerlukan sedikit kebebasan untuk menyatakan sesuatu," kata beliau.

Dr Mahathir menjelaskan yang beliau tidak berkata sesuatu yang anti Yahudi.

"Malahan, saya telah mengambil risiko di negara ini untuk menunjukkan bahawa orang Yahudi juga seperti orang biasa yang lain," kata beliau merujuk kepada kebenaran yang diberikan oleh kerajaan Malaysia pada April lepas kepada pasukan kriket Israel untuk menyertai satu pertandingan antarabangsa di sini.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham mengapa beliau perlu memohon maaf ataupun meletakkan jawatan sedangkan beliau hanya cuba membantu (dengan menunjukkan orang Yahudi juga seperti orang lain).

"Adakah ini caranya dunia berfungsi? Saya benar-benar tidak tahu," kata Dr Mahathir.

Beliau ingin tahu sama ada pemimpin-pemimpin dunia perlu memohon maaf kepada Kongres Amerika bagi apa sahaja yang mereka katakan dan jika demikian, "bagi saya, itu pelik".

"Saya berharap saya bebas untuk menyatakan apa dalam fikiran saya," kata beliau.

Mengenai hubungan Malaysia-Amerika, Perdana Menteri berkata: "Kita telah cuba sedaya upaya untuk berbaik-baik dengan semua orang."

Katanya beliau telah memberitahu Setiausaha Negara Amerika, Madeleine Albright yang beliau akan sentiasa bercakap yang benar.

Albright berada di sini baru-baru ini kerana menghadiri Forum Serantau Asean.

Mengenai lawatan Presiden Perancis Jacques Chirac minggu depan, Dr Mahathir berkata pemimpin Perancis itu akan bercuti di Pulau Langkawi.

"Kami akan membincangkan pelbagai isu," kata beliau.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata Wawasan 2020 beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020 tidak akan dikaji semula walaupun krisis mata wang yang dihadapi negara sekarang ini.

Nilai ringgit telah merosot hampir 30 peratus berbanding dolar Amerika sejak tercetusnya krisis mata wang itu pada Julai lepas. -- BERNAMA

ES PR MAI